

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Sila baca Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Kad Biz-Xpress (BXC) dengan Alliance Bank Malaysia Berhad ("ABMB"). Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am. Sila dapatkan penjelasan jika anda mempunyai sebarang pertanyaan.


ALLIANCE BANK

Alliance Bank Malaysia Berhad 198201008390 (88103-W)

Kad Biz-Xpress (BXC)

Tarikh: 1 Julai 2026

1. Apakah Kad Biz-Xpress (BXC)?

BXC adalah Kad Debit yang membolehkan pelanggan perniagaan membuat deposit tunai, pengeluaran tunai, dan pembayaran untuk pembelian perniagaan atau e-dagang dengan mudah dan selamat melalui saluran layan diri ABMB. Kami menawarkan 2 jenis pakej perniagaan yang disediakan mengikut keperluan anda, seperti berikut:

Pakej Perniagaan	Ciri-ciri/Fungsi
Deposit Sahaja	Terhad kepada fungsi deposit melalui Mesin Deposit Tunai dan Mesin Ekspres Cek sahaja.
Had Akses Tinggi Penuh	- Menyokong pertanyaan penuh akaun dan fungsi deposit melalui Mesin Deposit Tunai dan Mesin Ekspres Cek. - Pengeluaran wang tunai melalui ATM di seluruh dunia. - Pembayaran tempatan melalui rangkaian MyDebit atau Mastercard, manakala pembayaran di luar negara melalui rangkaian Mastercard. - Diterima untuk transaksi e-dagang dan bayaran berulang.

Anda boleh memaut sehingga maksimum enam (6) akaun deposit perniagaan ke BXC tunggal. Apabila berurusan melalui Terminal Layan Diri, anda boleh memilih akaun yang anda ingin membuat pengeluaran wang, atau menandatangani wang atau memasukkan cek.

2. Ketahui Kewajipan Anda

Ia adalah tanggungjawab anda untuk membaca terma-terma utama berikut:

- Mematuhi terma dan syarat penggunaan BXC.
- Mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan BXC, PIN dan peranti keselamatan anda sentiasa selamat pada setiap masa, termasuk di tempat kediaman anda:
 - Tidak mendedahkan PIN atau kod keselamatan kepada mana-mana pihak lain;
 - Tidak membenarkan mana-mana pihak lain menggunakan BXC anda;
 - Tidak mendedahkan butiran BXC anda kepada pihak ketiga kecuali bagi tujuan memudahkan pembayaran dan kebenaran pembelian atau untuk mendaftar BXC dalam dompet mudah alih;
 - Tidak merekodkan atau menulis PIN atau kredensial keselamatan anda pada BXC atau pada apa-apa tempat yang disimpan berdekatan dengan BXC;
 - Tidak menggunakan PIN atau keselamatan kredensial yang mudah diramal dan boleh dikaitkan dengan anda seperti tarikh lahir, nombor kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon; dan
 - Sentiasa memastikan peranti keselamatan anda berada dalam keadaan selamat.
- Memaklumkan kepada ABMB secepat yang mungkin selepas mendapati bahawa BXC anda hilang, dicuri, berlaku transaksi yang tidak dibenarkan atau PIN dan kelayakan keselamatan mungkin telah dikompromi;
- Memaklumkan kepada ABMB dengan serta-merta setelah menerima amaran transaksi sekiranya transaksi tersebut tidak dibenarkan;
- Memaklumkan kepada ABMB dengan segera mengenai sebarang perubahan nombor hubungan/maklumat butiran anda, untuk memastikan segala surat-menyurat dan amaran transaksi diterima tepat pada masanya;
- Gunakan BXC anda secara bertanggungjawab, termasuk tidak menggunakannya untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang; dan
- Semak penyata akaun secara berkala dan melaporkan sebarang percanggahan tanpa kelewatan yang tidak wajar.
- Anda dikehendaki membayar yuran dan caj berikut (jika berkenaan):

Yuran Pengeluaran/Yuran Tahunan Kad	RM8.00 setiap kad
Yuran Penggantian Kad	RM8.00 setiap kad (Untuk kehilangan / kerosakan kad yang disebabkan oleh kecuaiannya pemegang kad)
Pengeluaran tunai MEPS di:	
i. Bank-bank tempatan lain	Dikecualikan
ii. Bank-bank asing yang diperbadankan di Malaysia	Dikecualikan
iii. ATM bukan kendalian bank	RM1.00 setiap transaksi
Pengeluaran Tunai MyDebit	RM0.50 setiap transaksi
Pengeluaran Tunai CIRRUS	RM8.00 setiap transaksi
Yuran Penukaran Transaksi Luar Negara	Transaksi yang dibuat dalam mata wang asing akan ditukarkan ke Ringgit Malaysia pada kadar dan caj penukaran seperti yang ditentukan oleh Mastercard dan termasuk 1% penukaran wang asing yang dikenakan oleh Alliance Bank.

Ia adalah tanggungjawab anda untuk:



Baca dan fahami **terma utama** dalam kontrak sebelum anda menandatangani.



Pastikan **PIN dan kredensial keselamatan anda** selamat pada setiap masa. **Jangan dedahkan kredensial** anda kepada mana-mana orang.



Hubungi kami dengan segera selepas mendapati kehilangan atau penggunaan kad anda tanpa kebenaran

3. Ketahui Risiko Anda

Anda akan **bertanggungjawab** untuk transaksi tidak dibenarkan kad dikemukakan atau pengeluaran tunai yang memerlukan pengesahan PIN atau tandatangan atau penggunaan BXC tanpa sentuh, jika anda telah:

- melakukan penipuan;
- lewat dalam memaklumkan ABMB dengan secepat mungkin selepas menyedari akan kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran BXC anda;
- secara sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain atau membenarkan orang lain menggunakan BXC anda;
- merekodkan PIN di atas BXC atau di atas apa-apa yang disimpan berdekatan dengan BXC anda;
- meninggalkan BXC atau barangan yang mengandungi BXC anda tanpa pengawasan di tempat-tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain;
- enggan bekerjasama dengan ABMB dalam siasatan; atau
- gagal melaksanakan kewajipan yang dimaklumkan oleh ABMB.

4. Terma-terma Utama Lain

a. Transaksi luar negara dan transaksi tanpa kad (CNP)

BXC anda disekat daripada digunakan bagi transaksi luar negara dan transaksi tanpa kad (CNP) seperti pembelian dalam talian atau pesanan telefon yang tidak disahkan melalui kaedah pengesahan kukuh. Anda perlu mendaftar untuk ikut serta di cawangan Alliance Bank sebelum anda boleh menggunakan BX anda untuk transaksi luar negara dan CNP.

b. Pengeluaran tunai ATM luar negara

BXC anda disekat daripada pengeluaran tunai ATM luar negara. Anda boleh mendaftar untuk ikut serta melalui cawangan atau ATM Alliance Bank.

c. Pra kebenaran di Pam Petrol Layan Diri

- Apabila anda menggunakan BXC anda di pam petrol layan diri, prakebenaran sebanyak RM200.00 akan dikenakan ke atas akaun deposit anda.
- Jumlah ini akan dilepaskan dan amaun transaksi sebenar akan didebitkan ke akaun anda dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh transaksi.

d. Fungsi Tanpa Sentuh

- Had tanpa sentuhan ditetapkan secara lalai pada RM250 bagi setiap transaksi. PIN tidak diperlukan untuk sebarang transaksi sehingga RM250 di Malaysia, namun bagi transaksi melebihi RM250, PIN diperlukan.
- Untuk BXC baru, penggantian atau pembaharuan, anda perlu gunakan BXC anda dengan transaksi PIN sebelum membuat pembayaran secara tanpa sentuh.
- Anda mempunyai pilihan untuk mematikan fungsi tanpa sentuh di cawangan atau ATM Alliance Bank.

e. Fungsi Pengeluaran Tunai MyDebit

Had lalai ditetapkan pada RM500.00 bagi setiap transaksi. Anda boleh melumpuhkan ciri ini atau memilih had pilihan anda di ATM Alliance Bank

f. Had BXC

	Had Pembelian	Had ATM
Had harian	RM8,000 setiap kad	RM8,000 setiap kad
Had bulanan	RM30,000 setiap kad	RM30,000 setiap kad

Nota:

- Had pembelian termasuk pembelian runcit yang dibuat melalui rangkaian pembayaran Mastercard
- Had ATM termasuk pengeluaran tunai ATM dan pembelian runcit yang dibuat melalui rangkaian pembayaran MyDebit.

g. Anda hendaklah memaklumkan kepada kami dengan serta-merta apabila menerima amaran transaksi sekiranya transaksi tersebut tidak dibenarkan oleh anda; dan apabila terdapat perubahan pada nombor atau butiran hubungan anda.

h. Sekiranya anda gagal mematuhi terma dan syarat BXC anda, kami berhak untuk menamatkan BXC anda.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan BXC anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
03-5624 3888



Kunjungi kami di:
<https://www.alliancebank.com.my/business/SME/Cards/Alliance-Biz-Xpress-Card>



Emel kami di:
bbcc@alliancefg.com



Hubungi pengurus perhubungan
perniagaan kami di mana-mana
Cawangan/Pusat Perniagaan Perbankan

Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi BNMLINK atau Financial Markets Ombudsman Service (FMOS):

BNMLINK 4th Floor, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur. Tel.: 1-300-88-5465 (Malaysia) or +603 2174 1717 (Overseas) Laman web: bnm.gov.my/BNMLINK	Financial Markets Ombudsman Service (FMOS) Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia No.4, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur. Tel.: +603 2272 2811 Laman web: https://www.fmos.org.my
--	---